



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU BIL. 2/2014

- 1.0 (a) Jawatan : **Pegawai Tadbir, Gred N41**
(fungsi tugas auditan)
- (b) Agensi : Lembaga Pelabuhan Bintulu
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- (e) Bilangang Kekosongan : **Satu (1)**
- 1.1 Jadual Gaji Minimum-Maksimum : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM 1,911.00 RM 8,646.00
- 1.2 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan terus ke Gred N41 hendaklah memiliki kelayakan berikut:
- : (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM2,114.43); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakanyang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM2,650.63); atau
 - (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji Permulaan: RM2,650.63); atau
 - (vi) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji Permulaan: RM2,754.41); atau
 - (v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia (Gaji Permulaan: RM2,858.19).
- dan
- (d) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 1.3 Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- 1.4 Taraf Jawatan : **TETAP**
- 1.5 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 1.6 Skop Bidang Tugas : a) Melaksanakan urusan audit dalam;
b) Melaksanakan auditan terhadap perkara-perkara yang ditetapkan;
c) Menyediakan laporan audit dalaman mengikut tempoh yang ditetapkan;
d) Menjalankan fungsi urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga; dan
e) Melaksanakan auditan terhadap perkara-perkara bagi mengawal dan mencegah sesuatu kepincangan dan penyelewengan yang berlaku.
- 1.7 Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1.2 (c) di atas ; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- 2.0 (a) Jawatan : **Pegawai Tadbir, Gred N41**
- (b) Agensi : Lembaga Pelabuhan Bintulu
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- (e) Bilangan Kekosongan : **Satu (1)**
- 2.1 Jadual Gaji Minimum-Maksimum : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM 1,911.00 RM 8,646.00
- 2.2 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan terus ke Gred N41 hendaklah memiliki kelayakan berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada insituti-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM 1,911.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM 2,114.43); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM 2,216.64);
- dan
- (d) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 2.3 Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- 2.4 Taraf Jawatan : **TETAP**
- 2.5 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

2.6 Skop Bidang Tugas

- a) Menyelia dan menyelaras aktiviti-aktiviti berkaitan lawatan dan perhubungan awam;
- b) Merancang dan mengurus perkara-perkara berkaitan penerbitan dan pengedaran bahan maklumat dan bahan cetakan penerbitan rasmi Lembaga;
- c) Menyelia dan menyelaras tugas-tugas berkaitan pengumpulan, penganalisaan dan pengedaran maklumat Pelabuhan dan data-data statistik; dan
- d) Menyelia, mengurus dan menyelaras aktiviti pemasaran serta promosi aset dan perkhidmatan pelabuhan.

2.7 Syarat Peningkatan Secara Lantikan

: Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 2.2 (c) di atas ; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- 3.0 (a) Jawatan : **Penolong Pegawai Tadbir, Gred N27**
- (b) Agensi : Lembaga Pelabuhan Bintulu
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- (e) Bilangan Kekosongan : **Satu (1)**
- 3.1 Jadual Gaji Minimum-Maksimum : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM 1,362.00 RM 5,092.00
- 3.2 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan terus ke Gred N27 hendaklah memiliki kelayakan berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan: RM 1,362.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan: RM 1,362.00); atau
- (iii) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM 1,661.95); atau
- (iv) Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM 1,737.15);
- dan
- (d) Keujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 3.3 Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N27 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- 3.4 Taraf Jawatan : **TETAP**
- 3.5 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat

kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

3.6 Skop Bidang Tugas

- : a) Melaksana dan menjalankan aktiviti-aktiviti perhubungan awam Lembaga dengan jabatan Kerajaan, badan-badan korporat, pelanggan, pelawat dan orang awam;
- b) Melaksanakan tugas-tugas berkaitan dengan penerbitan, pengeluaran dan pengedaran maklumat dan bahan-bahan bercetak kepada Kementerian, jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, badan-badan korporat serta menyelenggara, mengemaskini data maklumat secara atas talian;
- c) Melaksana aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pemasaran, promosi bangunan, tanah dan perkhidmatan Pelabuhan di dalam dan luar negara; dan
- d) Menyediakan perkara-perkara berkaitan dengan perancangan dan pengurusan tanah dan bangunan Lembaga.

3.7 Syarat Peningkatan Secara Lantikan

- : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.2 (c) di atas ; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- 4.0 (a) Jawatan : **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi),
Gred N17
(fungsi tugas kawalan keselamatan)**
- (b) Agensi : Lembaga Pelabuhan Bintulu
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- (e) Bilangan Kekosongan : **Dua (2)**
- 4.1 Jadual Gaji Minimum-Maksimum : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM 928.00 RM 3,375.00
- 4.2 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan: RM 928.00); atau
- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang berpangkat Koperal dan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan (Gaji Permulaan: RM 928.00)
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut;
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran indeks jisim badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketepatan $\frac{6}{9}$ tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- 4.3 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 4.4 Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N17 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- 4.5 Taraf Jawatan : **TETAP**
- 4.6 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 4.7 Skop Bidang Tugas : a) Membantu dalam mendapatkan maklumat pelabuhan dan urusan mengekalkan hubungan baik dengan agensi-agensi Kerajaan dan agensi-agensi luar yang berhubungkait dalam urusan keselamatan pelabuhan;
- b) Bertanggungjawab menyelia dan memantau Pengawal Keselamatan menentukan perjalanan kawalan di semua pintu masuk utama dan pintu masuk semua kawasan pelabuhan dipatuhi;
- c) Mengemukakan laporan insiden kemalangan yang berlaku mengenai keselamatan di pelabuhan kepada pengurusan; dan
- d) Memantau dan menyelia peraturan-peraturan keselamatan dipatuhi oleh semua pihak di kawasan pelabuhan dan kawasan pajakan kepada pelanggan.

4.8 Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawal Keselamatan / Pembantu Operasi (fungsi tugas kawalan keselamatan) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pembantu Tadbir (fungsi tugas kawalan keselamatan) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 4.2 (c) di atas ; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- 5.0 (a) Jawatan : **Pembantu Operasi Gred N11
(fungsi tugas kawalan keselamatan)**
- (b) Agensi : Lembaga Pelabuhan Bintulu
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- (e) Bilangan Kekosongan : **Empat (4)**
- 5.1 Jadual Gaji Minimum-Maksimum : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM 802.00 RM 2,663.00
- 5.2 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut:
- : (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan: RM 837.00); atau
 - (ii) bekas anggota polis berpangkat Konstabel atau tentera berpangkat Prebet dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan (Gaji Permulaan: RM 837.00)
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut;
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran indeks jisim badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketepatan v6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- 5.3 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 5.4 Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- 5.5 Taraf Jawatan : **TETAP**
- 5.6 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 5.7 Skop Bidang Tugas : a) Membuat pemantauan dan pemeriksaan di kawasan pelabuhan, kawasan perumahan pelabuhan, pos-pos kawalan dan kawasan bangunan Lembaga Pelabuhan Bintulu; dan
b) Memastikan kakitangan Pelabuhan, pihak operator dan orang awam mematuhi garis panduan atau tatacara keselamatan di premis pelabuhan dan perumahan pelabuhan.

Cara Memohon:

- a. Maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut diatas boleh didapati dari laman web rasmi LPB <http://www.bpa.gov.my>
- b. Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan Borang Permohonan Jawatan LPB yang boleh diperolehi dari Bahagian Sumber Manusia, Aras 9, Lembaga Pelabuhan Bintulu atau boleh dimuat-turun melalui laman web rasmi LPB <http://www.bpa.gov.my>
- c. Pemohon hendaklah mencatatkan Jawatan yang Dipohon di sebelah sudut kanan Sampul Surat.
- d. Tarikh Tutup Permohonan adalah pada **19 September 2014 (Jumaat)**
- e. Permohonan yang tidak dilengkapi dengan gambar, salinan sijil berkaitan atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak. Surat-menyurat tidak akan dilayani.
- f. Penggunaan borang permohonan yang dibuat salinan adalah dibenarkan.

Semua permohonan hendaklah dialamatkan dan dihantar kepada:-

**Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 8, 9 dan 10, Menara Kidurong
Peti Surat 296
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu
Sarawak, Malaysia**